



**NOTIS MAKLUMAN KEPADA WARGA FAKULTI SAINS GUNAAN BERKAITAN  
PELAKSANAAN AKTIVITI PENYAMPAIAN & PEMBELAJARAN (PdP)  
UNTUK SEMESTER OKTOBER 2021 – FEBRUARI 2022**

Pihak Pengurusan Fakulti Sains Gunaan, melalui Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE) pada 17 September 2021, telah membuat beberapa ketetapan berkaitan pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) serta kemasukan pelajar ke kampus, untuk perhatian dan tindakan semua warga Fakulti Sains Gunaan di semua Kampus.

**1. Sesi PdP:**

- a) Semua sesi PdP kuliah/tutorial/makmal/bengkel untuk pelajar Sarjana Muda akan dijalankan secara atas talian (ODL).
- b) Semua sesi PdP kuliah di Kampus Shah Alam untuk pelajar Sarjana (Mod Kerja-Kursus dan Mod Campuran) akan dijalankan secara atas talian (ODL).
- c) Sesi PdP untuk pelajar Pra-Diploma dan Diploma di Kampus Cawangan adalah tertakluk kepada keputusan Pengurusan Kampus Cawangan dengan mengambilkira kadar vaksinasi 2 dos lengkap pelajar dan kapasiti kampus.
- d) Projek Tahun Akhir 2 untuk program Sarjana Muda (FSG671/FSG661), iaitu yang melibatkan eksperimen, bengkel, dan kerja lapangan, boleh dilaksanakan di dalam makmal/bengkel dengan pematuhan kepada SOP semasa dan kapasiti 50% pada satu-satu masa. Ini adalah terhad kepada pelajar yang telah lengkap 2 dos vaksin sahaja.

Namun begitu, pelajar juga boleh memilih mod projek berikut (dengan persetujuan bersama Penyelia):

- i) Projek secara *problem-based learning* (PBL), tinjauan literatur atau kajian kes (analisis data daripada sumber internet atau sumber rujukan lain), atau
  - ii) Projek melibatkan simulasi, *computational* dan *modelling* (dry lab)
- e) Untuk setiap kursus, **TIADA** peperiksaan akhir akan dijalankan. Setiap kursus akan mempunyai samada Penilaian secara Berterusan serta Penilaian Akhir **ATAU** Penilaian secara Berterusan sahaja.

**2. Kemasukan ke Kampus:**

- a) Pelajar yang telah menerima lengkap 2 dos vaksin dibenarkan kembali ke kampus bermula 15 Oktober 2021.
- b) Kategori pelajar FSG yang dibenarkan memasuki kampus adalah seperti berikut:
  - i) Semua pelajar pasca-siswazah mod penyelidikan (Sarjana dan PhD)

- ii) Pelajar Sarjana Muda yang mendaftar untuk kod Projek Akhir 2
- iii) Pelajar yang tidak mempunyai akses internet dan persekitaran yang tidak kondusif bagi melaksanakan sesi PdP secara atas talian (ODL)
- iv) Pelajar yang dibenarkan menjalani Latihan Industri (LI) di Kampus

### 3. Tugas Pelajar

- a) Akur serta menghayati norma baru dalam sistem Pendidikan Tinggi semasa dalam aspek PdP.
- b) Sentiasa menghubungi Penasihat Akademik untuk mendapatkan khidmat nasihat berkaitan akademik dan pengajian.
- c) Bertanggungjawab untuk mengikuti setiap sesi PdP bersama pensyarah dan melaksanakan tugas dan penilaian.
- d) Untuk sesi ODL, pelajar perlu berbincang dan mencapai persefahaman dengan pensyarah untuk menggunakan aplikasi yang mudah untuk dicapai.
- e) Memberi maklumbalas yang sewajarnya terhadap sebarang isu berkaitan PdP kepada pensyarah atau Fakulti.

Keputusan di atas dicapai setelah mengambilkira bilangan lengkap 2 dos vaksin pelajar FSG Shah Alam semasa (sekitar 45% sahaja), serta kapasiti kolej kediaman semasa (pengurangan 50% daripada asal).

Notis ini juga merujuk kepada:

- i) Pekeliling Naib Canselor, Bilangan 15 Tahun 2021, PEKELILING KEMASUKAN PELAJAR KE KAMPUS BAGI SESI I 2021/2022, dan
- ii) Sesi Townhall Akademik di Ambang Sesi 1 2021/2022: Pelan Tindakan ODL 4.0 Di UiTM Bagi Sesi I 2021/2022 (Oktober 2021 Februari 2022) pada 15 September 2021.

Sebarang perubahan adalah bergantung kepada keadaan semasa dan mengikut pekeliling Kementerian Pengajian Tinggi, pekeliling Naib Canselor, dan arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang terkini.

**PROF DR HJH FARIDA ZURAINA MOHD YUSOF**

Dekan

20 September 2021